

PM: Kerajaan kaji guna teknologi pasang siap

KEPALA BATAS 20 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan mengkaji penggunaan teknologi pasang siap bagi mengurangkan kos dan pergantungan kepada tenaga asing dalam industri binaan.

Beliau berkata, kerajaan akan menggunakan kaedah itu jika teknologi tersebut terbukti dapat menjimatkan kos dan boleh mengurangkan penggunaan pekerja asing.

Katanya, beliau telah meminta kertas kerja mengenai perkara itu disediakan bagi tujuan menganalisis kebaikan dan kemungkinan menggunakannya dalam projek-projek perumahan awam pada masa akan datang.

"Penggunaan konsep pasang siap bukan perkara baru kerana sebelum ini pun ada projek lain yang telah menggunakan konsep ini dan jika terbukti analisisnya tepat, maka sudah tentu kita mahu menggunakan kaedah itu," katanya selepas majlis penyerahan Projek Kwarters Institusi Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran, di Taman Sri Serdang, di sini hari ini.

Projek Kwarters Institusi Pendidikan telah diserahkan kepada Encorp Berhad oleh Kementerian Pelajaran di bawah konsesi selama 30 tahun untuk membina 10,000 unit apartmen merangkumi 109 tapak di seluruh negara.

Keseluruhan unit apartmen bernilai lebih RM1 bilion yang menggunakan teknologi pasang siap itu, telah siap sepenuhnya Februari lalu.

Abdullah berkata, beliau telah meminta syarikat berkenaan, menyediakan analisis lengkap mengenai perkara ini untuk kajian dan jika sesuai ia akan digunapakai untuk pembinaan rumah-rumah awam di negara ini pada masa akan datang.

Semasa berucap pada majlis itu, Abdullah menyatakan kesalnya dengan sikap penghuni kwarters kerajaan yang tidak



ABDULLAH Ahmad Badawi melawat blok yang menempatkan rumah guru pada majlis penyerahan Projek Kwarters Institusi Pendidikan kepada Kementerian Pelajaran di Taman Sri Serdang, Kepala Batas semalam.

menjaga kebersihan serta menyelenggara rumah yang mereka duduki dengan baik.

Beliau berkata, sikap tidak prihatin terhadap aspek kebersihan menjadi amalan kebanyakan penghuni kwarters sehingga kini walaupun kerajaan telah menyediakan kemudahan perumahan yang cantik dan selesa.

"Saya dukacita kerana sampai ke hari ini budaya menjaga dan menyelenggara harta sendiri (rumah) masih pada tahap yang tidak memuaskan. Rumah cantik, tetapi pakai sat (sekejap) sahaja sudah tak elok, itu tak kena, rosak sana sini.

"Tolonglah beri perhatian betapa pentingnya kita menjaga tempat tinggal, memang betul, itu rumah kerajaan tetapi takkan hendak suruh kerajaan buat semuanya, kebersihan dalam rumah tanggungjawab kita sendiri," katanya.

Abdullah berkata, beliau berharap penghuni kwarters kerajaan memberi perhatian terhadap soal kebersihan supaya rumah yang diduduki lebih tahan lama.

Rumah yang tidak dijaga dan diselenggara dengan baik, jelas beliau, akan cepat rosak dan perbelanjaan yang tinggi terpaksa dikeluarkan untuk mem-

baikinya sedangkan ia boleh dielakkan jika penghuninya lebih bertanggungjawab.

"Sikap mereka itu menyebabkan kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tidak sepatutnya kita keluarkan dan yang sebenarnya kita boleh guna untuk membina kemudahan lain.

"Sebab itu kefahaman kita tentang perkara ini cukup mendesak dan perlu diberi perhatian," tegasnya.

Beliau seterusnya menyarankan penghuni kwarters supaya menubuhkan jawatan kuasa mereka sendiri untuk menguruskan aspek penja-

gaan persekitaran perumahan masing-masing dengan lebih teratur dan tersusun.

Mengulas perkara yang sama pada sidang akhbar kemudian, Abdullah berkata, kurang pemeliharaan terhadap bangunan perumahan membawa kepada kerugian apabila kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja untuk mengecat semula dan membaiki rumah yang rosak.

"Semua ini menimbulkan kos yang sepatutnya kita tidak perlu kalau kita jaga rumah dengan baik dan wang itu boleh digunakan untuk projek lain," katanya.